Headline	PLK UUM tunai tanggungjawab sosial laksana program kemasyarakatan		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	31 Mar 2012	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	23,655
Page No	7	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	172 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 334
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,001

PLK UUM tunai tanggungjawab sosial laksana program kemasyarakatan

KOTA KINABALU: Pelajar Luar Kampus Universiti Utara Malaysia (PLK UUM) Kampus Kota Kinabalu menunaikan tanggungjawab sosial kepada masyarakat dengan melaksanakan program kemasyarakatan.

Program Khidmat Masyarakat itu yang disertai 21 pelajar Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Awam UUM, baru-baru ini berjaya membawa keceriaan kepada 45 kanak-kanak istimewa dari Persatuan Bagi Orang-Orang Pekak Sabah.

Pensyarah Subjek Pembangunan Masyarakat UUM kampus Kota Kinabalu Mohamad Fauzi Hassan berkata, program sehari bertemakan '3M' iaitu mengenal, memahami dan mengasihi itu bertujuan menjalin silaturahim dan memahami kehidupan kanak-kanak istimewa dalam persatuan itu.

"Melalui program seumpama ini, para pelajar dapat menunaikan tanggungjawab mencurahkan bakti kepada golongan istimewa seterusnya melahirkan pelajar yang seimbang dari segi intelektual, fizikal dan rohani.

"Di samping itu ia juga dapat merapatkan hubungan UUM Kampus Kota Kinabalu dengan masyarakat luar," katanya ketika berucap merasmikan program itu, di Bukit Padang, di sini.

Mohamad Fauzi melahirkan rasa bangga atas kesungguhan para pelajar PLK UUM menjayakan program itu.

"Saya berharap ia dapat membuka minda masyarakat luar bahawa kita juga perlu bersama-sama bermasyarakat dengan golongan istimewa," katanya.

Antara aktiviti yang diadakan sepanjang program itu ialah mempelajari bahasa isyarat, sukaneka, jamuan makan, penyampaian sumbangan dan gotong-royong membersihkan kawasan.

Acara sukaneka itu turut disertai oleh kanak-kanak istimewa yang berumur dalam lingkungan 4 hingga 16 tahun.

Turut hadir, Pengerusi Pengajian program Seerlman Latih dan wakil dari Persatuan Bagi Orang-Orang Pekak Sabah Kota Kinabalu Regina Wong. -OLEH MARRYAN RAZAN (marryan@newssabahtimes.com.my)

KENANGAN BERSAMA ... Para pelajar bergambar bersama kanak-kanak istimewa.

Powered by: MediaBank